

**Pas Kedah minta DAP, PKR bertolak ansur
Utusan Online
26 Mac, 2012**

KUBANG PASU 25 Mac - Pas Kedah meminta Parti Keadilan Rakyat (PKR) dan DAP bertolak-ansur dalam isu tuntutan perebutan kerusi yang sehingga kini belum selesai walaupun Pilihan Raya Umum Ke-13 (PRU-13) semakin hampir.

Menteri Besar, Datuk Seri Azizan Abdul Razak berkata, sebagai 'abang tua' kepada kedua-dua parti itu, Pas mahu ia diselesaikan menggunakan formula menang-menang kepada semua pihak.

"Sebagai abang tua, kita berharap perkara itu dapat selesai dengan baik... kita tak boleh bergaduh sesama kita, kita dah nak pilihan raya," katanya selepas merasmikan Hari Air Sedunia di Loji Air Rawatan sempena sambutan Hari Air Sedunia di Loji Pelubang Jitra di sini, hari ini.

Isu tuntutan kerusi bagi PRU-13 timbul apabila pakatan pembangkang di Kedah masih gagal memuktamadkan agihan kerusi hingga ke hari ini sejak ia dibangkitkan September tahun lalu oleh DAP yang menuntut empat lagi kerusi Dewan Undangan Negeri (DUN) dan dua kerusi Parlimen untuk ditandingi pada PRU-13.

Pengerusi DAP Kedah dan Perlis, Lee Guan Aik berkata, tambahan kesemua enam kerusi bagi DAP penting kerana sokongan rakyat kepada parti itu kini didakwa sudah semakin meningkat.

Ekoran itu, Pas dan PKR bersetuju bertukar masing-masing satu kerusi manakala rundingan PKR dan DAP masih tiada penyelesaian.

Mengulas lanjut, Azizan berkata, tuntutan tersebut bagaimanapun kini hanya melibatkan PKR dan DAP kerana Pas mengekalkan status quo bertanding di 24 kerusi seperti pilihan raya umum 2008.

Beliau berkata, rundingan antara kedua-dua parti itu masih berjalan dan difahamkan terdapat sedikit lagi perkara yang perlu dipersetujui di peringkat pusat.

Pada pilihan raya lalu, Pas bertanding di 24 kerusi DUN, PKR 10 dan DAP 2 di Kedah.

Mengenai isu pelantikan dua Exco kerajaan negeri, Azizan berkata, sehingga kini kerajaan negeri masih belum menerima surat perkenan daripada Tuanku Sultan Kedah untuk melantik semula dua orang Exco, Datuk Ir. Phahrolrazi Zawawi dan Dr. Ismail Salleh.

Beliau berkata, sebaik sahaja istana memberi perkenan terhadap cadangan nama itu maka pihak Istana akan memberi satu tarikh untuk pelantikan itu dijalankan.

Mengenai kenyataan Ahli Parlimen Merbok, Datuk Rashid Din yang dikatakan menghantar khidmat pesanan ringkas (SMS) mengatakan pakatan pembangkang tidak begitu mengharapkan undi kaum India, Azizan berkata:

"Saya tak mahu komen sebab tak tahu betulkah cerita ini, kadang-kadang cakap lain, komen lagu lain, jadi kalau saya komen maka tak adil.

“Kita harap benda itu selesai. Sikit sahaja sebab ia (kenyataan) dia seorang sahaja,” katanya.

Hakcipta Terpelihara © UTUSAN MELAYU (M) BERHAD

Source:

http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2012&dt=0326&pub=Utusan_Malaysia&sec=Politik&pg=po_10.htm